

sukan

UnISZA julang piala sulung

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Arau

Pertembungan Universiti Malaysia (UM) dengan Universiti Sultan Zainal Abidin (UnISZA) dalam final Kejujangan Bola Sepak Piala Menteri Pendidikan Tinggi 2016 umpama 'buku bertemu ruas' apabila kedua-dua pasukan pilihan itu mempersembahkan saingan mantap dan bertenaaga.

Tempoh 45 minit perlawanan bermula menyaksikan kubu UM dan UnISZA gagal dibobol serangan berterusan pasukan lawan yang membawa keputusan 0-0 hingga tamat separuh masa pertama.

Pada babak kedua perlawanan, rentak aksi memburu jaringan

semakin rancak sehingga UnISZA berjaya merobek gawang UM hasil tandukan penyerangnya, Mohd Hazazi Marzuki, pada minit ke-50.

Tidak mudah menyerah kalah, pasukan UM bangkit dengan corak permainan dan strategi lebih tersusun yang membawa kepada tandukan Muhammad Faiz Nordin menumpaskan penjaga gol UnISZA pada minit ke-65, sekali gus mengikat kedudukan menjadi 1-1.

Jangkauan tepat

Kelegaan UM bagaimanapun tidak berpajangan apabila selang tiga minit, penyerang Shafie Abdul Rahman mencuri kesempatan keadaan kelam-kabut di dalam petak penalti untuk menyumbatkan gol kedua pasukan UnISZA. Tatkalta kemenangan

hampir pasti menjadi milik UnISZA, Muhammad Faiz sekali lagi menyelamatkan UM melalui jaringan minit ke-93 dan menyebabkan perlawanan terpaksa dihentikan sebelum keputusan akhirnya ditentukan menerusi sepakan penalti.

Penjaga gol UnISZA, Muhammad Fikri Amin muncul wira pasukan apabila jangkauannya tepat menepis dua sepakan penalti UM yang menemupa sejarah universiti itu menjujukkan kejuaraan Piala Menteri Pendidikan Tinggi untuk julung kali.

UM terpaksa akur di tempat kedua, namun persempitahan pasukan itu tetap mendapuk pujian ramai kerana berjaya mengekalkan momentum permainan berkualiti sepanjang kejujangan berlangsung.



Pasukan UM berjaya mengekalkan momentum perlawanan berkualiti sepanjang kejujangan berlangsung.

info

Kejujangan Bola Sepak Piala Menteri Pendidikan Tinggi 2016

- Kejujangan edisi keenam berlangsung di utara tanah air, bulan lalu.
- 13 pasukan terbaik Divisyen 1 dan 2, Liga Bola Sepak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2016 berentap.
- Pasukan bertanding ialah UnISZA, UM, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Multimedia (MMU), UiTM Cawangan Pahang, UiTM Shah Alam, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Politeknik Kota Bharu (PKB), Kolej Komuniti (KK) Pulau Pinang dan KK Pahang.
- Tiga pasukan terbaik Divisyen 1, iaitu UM, UiTM Cawangan Perlis dan UnISZA, juara Divisyen 2, UPM, dan juara musim 2015, UiTM Shah Alam, menjadi tumpuan utama.